

Penyokong Anwar baling telur ke arah polis
Malaysian Insider
Oct 30, 2014
OLEH JAMILAH KAMARUDIN

Insiden baling telur secara tiba-tiba menyebabkan suasana tegang antara kumpulan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan polis yang mengawal di luar perkarangan Istana Kehakiman Putrajaya.

Difahamkan, berlaku perselisihan kecil secara lisan pada awalnya sehingga keadaan menjadi tegang dan penyokong dilihat membaling dua biji telur ke arah polis.

Balingan telur itu turut mengenai beberapa polis dan wartawan berhampiran kawasan kejadian.

Kumpulan itu juga dilihat cuba mengambil kesempatan dengan merempuh pintu pagar utama dalam kejadian kira-kira 2.25 petang, tetapi sempat dihalang polis. Keadaan itu memaksa polis menambah anggota pasukannya mengawal ketat bahagian depan pintu pagar masuk Istana Kehakiman.

Unit Simpanan Persekutuan (FRU) turut diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga.

Difahamkan, perselisihan berpunca daripada desakan penyokong Anwar yang mahu masuk ke dalam khemah mencari tempat berteduh memandangkan cuaca ketika itu hampir hujan.

Polis pada mulanya enggan membenarkan mereka masuk walaupun Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Taman Medan Haniza Talha cuba membuat rundingan.

Ketua Polis Daerah Putrajaya ACP Abdul Razak Abdul Majid ketika ditemui pemberita berkata, khemah sepanjang 100 meter di hadapan Istana Kehakiman itu bukan milik polis atau pihak berkuasa lain.

Tetapi didirikan oleh penganjur majlis yang akan menggunakannya pada 8 dan 9 November ini.

Abdul Razak berkata, disebabkan itu pihaknya tidak ada kuasa memberi kebenaran menggunakan khemah kerana enggan bertanggungjawab jika sebarang insiden terjadi.

Namun, hujan lebat menyebabkan polis bertolak ansur dan membenarkan penyokong masuk hanya kira-kira 20 kaki untuk berteduh di bawah khemah.

Mereka dijangka akan terus berhimpun sehingga selesai prosiding kes Anwar pukul 6 petang ini sebelum bersambung esok pagi.

Sementara dalam mahkamah ketika ini, barisan peguam bela Anwar diketuai Datuk Seri Gopal Sri Ram masih memberikan hujahnya mengenai isu DNA.

Prosiding rayuan ini merupakan langkah terakhir Anwar untuk bebas daripada hukuman penjara lima tahun yang dikenakan Mahkamah Rayuan pada 7 Mac lalu.

Beliau dituduh meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan di kondominium di Damansara pada 26 Jun 2008. – 29 Oktober, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penyokong-anwar-baling-telur-ke-arah-polis#sthash.6b4HiTp7.dpuf>